

01/01/2002

Dr M anggap tindakan pechat pegawai Tati zalim

M Noh Senan; Ziauddin Sharuddin

PORT DICKSON, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan kerajaan Pas memberhentikan seorang pegawai kanan Institut Teknikal Tinggi Terengganu (Tati) kerana kononnya tidak memulangkan wang ihsan Kerajaan Pusat, sebagai zalim.

Perdana Menteri menegaskan, apa yang dilakukan itu bukan saja satu kezaliman tetapi menunjukkan Kerajaan Terengganu kini tertekan sehingga memaksa supaya wang ihsan, yang mereka dakwa haram diserahkan kepada mereka.

"Zalimlah tu...itulah pandangan saya. Ambil orang baru kerja kemudian buang dengan sewenang-wenangnya, tak ada perbicaraan, tak ada bagi tunjuk sebab, ataupun apa-apa, buang saja," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis tamat latihan rekrut siri 147/2001 di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda), di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan muka depan Berita Harian hari ini mengenai tindakan kerajaan Pas Terengganu memberhentikan Ketua Pegawai Eksekutif Tati, Prof Dr Mohd Zaki Abdul Muin dengan notis 24 jam berkuat kuasa Khamis lalu.

Tindakan itu diambil kerana kerana Dr Mohd Zaki didakwa mengingkari arahan termasuk tidak menyerahkan wang ihsan yang disalurkan Kerajaan Pusat kepada Tati, kepada kerajaan negeri.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Pas yang memegang tampuk pemerintahan Terengganu sekarang tidak ada belas kasihan kepada kakitangan yang didapati menentang mereka.

Sebaliknya, kata beliau, jika kerajaan Barisan Nasional (BN) bertindak sedemikian, pembangkang akan menuduh kerajaan BN dengan pelbagai tuduhan termasuk bertindak zalim.

"Ketika BN berkuasa, masih juga kita bagi gaji kepada mereka (yang menentang), simpan mereka dalam kerajaan tetapi, bila Pas berkuasa, tak adalah untung, belas kasihan, ada can buang, cantas," katanya.

Mengenai arahan kerajaan Terengganu kepada semua institusi pendidikan di negeri itu supaya wang ihsan diserahkan kepada kerajaan negeri, Dr Mahathir berkata:

"Itu juga menunjukkan mereka berada dalam keadaan tertekan, (institusi berkenaan) terpaksa menyerah wang ihsan yang diterima. Dan orang yang ambil wang itu, kita tak halalkan...haram, bukan kita bagi kat dia," katanya.

Berhubung laporan kegagalan kontraktor menyiapkan sebahagian besar projek makmal komputer sekolah di Semenanjung, Dr Mahathir berkata kerajaan mencari pendekatan lain menanganinya.

Kerajaan bercadang menggunakan konsep pembinaan bangunan pasang siap iaitu kontraktor yang dipilih diberikan tanggungjawab menyiapkan sekitar 200 hingga 300 bilik komputer.

Kontraktor utama, katanya akan memilih pula kontraktor kecil (Kelas F) dengan memberikan mereka dua atau tiga projek serta dibekalkan bahan binaan mengikut sistem di bawah penyeliaan mereka.

"Kita sedar ramai (kontraktor) tidak mempunyai pengalaman dan kadang-kadang tidak berusaha dapatkan pengalaman. Tetapi jika kita tidak bagi, akan ada tuduhan, iaitu ada pilih kasih, kita bagi kepada sekian-sekian orang dan tidak kepada semua.

"Kali ini, kita bagi kepada semua, kita dapati ramai tidak berminat bahkan mereka cuma berminat untuk menjual kontrak mereka... sampai tiga

kali jual, akhirnya kawan yang hendak bina kompleks itu, untungnya sikit sangat, bahkan dia rugi... sebab itu kita hendak cari pendekatan lain," katanya.

(END)